



SIARAN MEDIA, 30 MAC 2023 (8 RAMADAN)

HAMPIR 2,000 ORANG MERIAHKAN MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN DI JOHOR BERSAMA TPM

Muar, 30 Mac – Hampir 2,000 orang masyarakat sekitar yang terdiri daripada pelajar pusat tahfiz, anak yatim dan masyarakat setempat diraikan dalam satu majlis iftar yang diadakan di **Masjid Jamek Sungai Gersik, Muar, Johor** di sini, hari ini.

Majlis yang dihadiri YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi **menjadi lokasi keenam daripada 13 negeri Majlis Santunan Kasih Ramadan** anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang telah bermula pada 24 Mac 2023 bersamaan 2 Ramadan 1444H dengan lokasi pertama di Masjid Batu 8, Gombak, Selangor.

Selain merapatkan jalinan ukhwah di antara pihak Kementerian dengan masyarakat, Zahid turut menyampaikan **duit raya kepada 40 orang anak-anak yatim dan 120 orang pelajar tahfiz.**

Menambah berkat di bulan mulia ini, beliau juga menyampaikan **sumbangan daripada FELCRA berupa kain batik dan kain pelikat kepada warga desa manakala JAKOA menyumbangkan kain ridaq.**

Pada majlis itu juga, turut disampaikan replika cek daripada **Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) KEJORA** nilai keseluruhan berjumlah RM288,000.00 kepada 13 orang peserta dan di bawah adalah pecahan sumbangan PROSPEK :-

BIL	PROGRAM	NILAI SUMBANGAN BANTUAN
1.	PROGRAM TRANSFORMASI KUALITI PRODUK (PTKP-PROSPEK)	RM 40,000.00 (5 ORANG)
2.	SKIM BANTUAN PERTANIAN (SBP-PROSPEK)	RM 50,000.00 (5 ORANG)
3.	PPRT BINA BAHARU (BB-PROSPEK)	RM 198,000 (3 ORANG)

Bagi menghargai dan menyantuni komuniti setempat pada bulan mulia ini, **KEMAS** juga menyampaikan **sumbangan tunai kepada 5 orang imam kampung tersebut**.

Majlis Santunan Kasih Ramadan KKDW berikutnya akan dianjurkan di Perak, Wilayah Persekutuan, Kedah / Perlis, Negeri Sembilan, Sabah, Kelantan dan berakhir di Sarawak.

Disediakan Oleh
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

30 MAC 2023